NAMA:

TARIKH:

SK: 3.2.2 Menghasilkan jawapan dengan memberikan alasan secara kritis dan kreatif.

ARAHAN: Baca petikan di bawah. Kemudian, jawab soalan seterusnya.

Pada pagi itu, Puan Ayu bersiap awal seperti biasa. Beliau kelihatan kemas dalam uniform serba putih. Menjadi rutin beliau memandu kereta melalui kawasan bandar. Beliau hairan kerana jalan raya sesak. Biasanya, tidak banyak kereta di jalan pada awal pagi.

"Ada kemalangankah? Lewatlah aku tiba di hospital nanti," rungut Puan Ayu dalam hati.

Puan Ayu mula melihat jam tangan berulang kali. Beliau risau kelewatan punca jadual kerja harian beliau terjejas. Jauh di sudut hati, beliau mengharapkan tiada kemalangan yang berlaku. Sebagai jururawat, beliau berpengalaman dalam menghadapi kecemasan di hospital. Tanggungjawab yang dilaksanakan dengan dedikasinya membuatkan beliau sentiasa positif.

Tidak lama kemudian, beliau melintasi laluan yang menyebabkan kesesakan.

"Aduhai, kemalangan rupanya! Mengapakah mangsa masih terlantar di situ?" Puan Ayu bercakap sendirian dengan nada yang cemas.

Tanpa berfikir panjang, beliau terus memberhentikan kereta di bahu jalan. Dengan pengalaman dan ilmu kejururawatan, beliau tekad membantu mangsa kemalangan itu. Keresahan akan tiba lewat di tempat kerja terus hilang setelah melihat keadaan mangsa itu. Beliau segera ke arah mangsa.

"Encik! Encik! Bangun encik. Tolong berikan respons," minta Puan Ayu kepada mangsa kemalangan itu.

Dalam nada yang lemah, mangsa itu memberikan respons. Beliau bersyukur kerana mangsa masih lagi bernafas. Beliau meminta bantuan pengguna jalan raya untuk membuat panggilan kecemasan sementara beliau memberi mangsa rawatan awal. Akhirnya, selepas 10 minit, ambulans pun tiba dan mangsa dikejarkan ke hospital.

Puan Ayu tiba lewat di hospital. Beliau menjelaskan hal itu kepada ketua. Ketua beliau memuji tindakan rasional Puan Ayu yang sanggup mengutamakan mangsa kemalangan itu.



1. Apakah pekerjaan Puan Ayu?

2. Mengapakah lalu lintas sesak pada pagi itu?

3. Pada pendapat anda, mengapakah Puan Ayu yakin membantu mangsa kemalangan tersebut?

4. Jika anda di tempat Puan Ayu, apakah yang anda akan lakukan?

5. Pada pendapat anda, sekiranya berlaku kemalangan, apakah yang perlu kita lakukan sekiranya kita ingin membantu?

LIVEWORKSHEETS